

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 07 OKTOBER 2016

^{KOSMO 7/10}
Tengku Amir Shah akan dimasyhur
Raja Muda Selangor esok

SHAH ALAM - Tengku Amir Shah Ibrahima Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj akan dimasyhurkan sebagai Raja Muda Selangor di Istana Alam Shah, Klang esok.

Istiadat pemasyhuran gelaran, mengangkat sumpah dan menjunjung Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah (**gambar kecil**) sebagai Raja Muda Selangor diada-

kan selama dua hari iaitu pada Sabtu ini dan Sabtu depan.

Tengku Amir Shah, 25, diputerakan pada 12 Disember 1990 di San Francisco, Amerika Syarikat.

Baginda merupakan anak bongsu daripada tiga beradik, hasil perkahwinan ayahandanya, Sultan Sharafuddin dan bondanya, Puan Nurlisa Idris yang merupakan



seorang warganegara Amerika Syarikat.

Tengku Amir Shah mendapat pendidikan awal rendah dan menengah di Sekolah Alice Smith, Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pelajaran di Kolej Wellington, United Kingdom (UK) dari 2004 hingga peringkat A-Level pada 2009.

Baginda kemudian melanjutkan

pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekologi dan Biologi Alam Sekitar di Universiti Leeds, UK pada 2014.

Antara pertubuhan dinaungi baginda ialah Yayasan Raja Muda Selangor, Pertubuhan Kebajikan Selangor Cheshire Home dan Selangor Youth Community. - Bernama